



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
Bil. 2

19hb Januari 2015

*TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN*

Enakmen-Enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 12 Disember 2014 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 12 Januari 2015 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactments passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 12 December 2014 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 12 January 2015 are published for general information:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen 7	Enakmen Lembaga Penanam-Penanam Padi Perak (Pembubaran) 2015
Enactment 7	Perak Padi Planters Board (Dissolution) Enactment 2015



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

ENAKMEN 7

**ENAKMEN LEMBAGA PENANAM-PENANAM
PADI PERAK (PEMBUBARAN) 2015**

Tarikh Perkenan Diraja 12 Januari 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 19 Januari 2015

**ENAKMEN LEMBAGA PENANAM-PENANAM PADI PERAK
(PEMBUBARAN) 2015**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Pemansuhan dan pembubaran
4. Perpindahan kuasa, hak, *dsb.*
5. Perpindahan harta
6. Perpindahan wang
7. Kontrak yang sedia ada, *dsb.*
8. Penerusan prosiding jenayah dan sivil
9. Penerusan undang-undang, *dsb.*
10. Menghalang kesukaran atau anomali

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen 7

ENAKMEN LEMBAGA PENANAM-PENANAM PADI PERAK (PEMBUBARAN) 2015

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,
Sultan Perak

12 Januari 2015

Suatu Enakmen bagi memansuhkan Enakmen Lembaga Penanam-Penanam Padi Perak 1961 [*Enakmen Bil. 5 tahun 1961*], untuk membubarkan Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Perak yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu, untuk memindahmilikkan semua hartanya kepada Pihak Berkuasa Negeri dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Penanam-Penanam Padi Perak (Pembubaran) 2015.

Tafsiran

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Lembaga” ertinya Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Perak yang ditubuhkan di bawah Enakmen Lembaga Penanam-Penanam Padi Perak 1961 [*Enakmen Bil. 5 tahun 1961*].

Pemansuhan dan pembubaran

3. Enakmen Lembaga Penanam-Penanam Padi Perak 1961 [*Enakmen Bil. 5 tahun 1961*] dimansuhkan dan Lembaga yang ditubuhkan di bawahnya dibubarkan.

Perpindahan kuasa, hak, dsb.

4. Segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini terletak hak pada Lembaga hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, turun kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Perpindahan harta

5. (1) Semua tanah yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini terletak hak pada Lembaga hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Semua harta dan aset selain daripada tanah yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini terletak hak pada Lembaga atau pada mana-mana orang bagi pihaknya hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri.

Perpindahan wang

6. Semua wang yang ada pada, atau kena dibayar kepada, Lembaga hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Enakmen ini, berpindah kepada, dan terletak hak pada Pihak Berkuasa Negeri.

Kontrak yang sedia ada, dsb.

7. Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini dan yang menyentuh mana-mana harta yang berpindah di bawah seksyen 5 hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kesan yang penuh terhadap atau memihak kepada Pihak Berkuasa Negeri dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan berkesannya seolah-olah Pihak Berkuasa Negeri, bukan Lembaga atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi suatu pihak kepadanya.

Penerusan prosiding jenayah dan sivil

8. (1) Pemansuhan Enakmen Lembaga Penanam-Penanam Padi Perak 1961 tidaklah menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen yang dimansuhkan itu sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini, atau mana-mana prosiding yang telah dibawa atau hukuman yang telah dikenakan sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini berkenaan dengan kesalahan itu.

(2) Mana-mana prosiding (sama ada sivil atau jenayah) atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini, oleh atau terhadap Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Perak atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya bolehlah diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana ia boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga atau orang itu seolah-olah Enakmen ini tidak pernah diluluskan.

(3) Mana-mana rayuan yang dibawa, atau mana-mana kebenaran untuk merayu yang dimohon, pada atau selepas permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terhadap sesuatu keputusan yang diberikan sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini dalam mana-mana prosiding undang-undang yang dalamnya Lembaga menjadi suatu pihak boleh dibawa oleh atau terhadap Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana ia boleh dibawa oleh atau terhadap Lembaga seolah-olah Enakmen ini tidak pernah diluluskan.

Penerusan undang-undang, dsb.

9. (1) Tertakluk kepada Enakmen ini, semua undang-undang bertulis, termasuk perundangan subsidiari, yang menyentuh atau bagi perlindungan Lembaga dan berkuat kuasa sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan oleh pihak berkuasa berkenaan yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian, terus berkuat kuasa dan ditafsirkan seolah-olah Enakmen ini tidak pernah diluluskan.

(2) Apa-apa sebutan dalam undang-undang bertulis itu mengenai Lembaga, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri dan ungkapan-ungkapan yang memaksudkan sebutan sedemikian hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

Menghalang kesukaran atau anomali

10. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika apa-apa kesukaran atau anomali timbul berkaitan dengan pelaksanaan Enakmen ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui perintah membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan Enakmen ini sebagaimana yang didapatinya perlu bagi menghapuskan atau menghalang kesukaran atau anomali itu.

(2) Pihak Berkuasa Negeri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

(3) Dalam seksyen ini, “ubah suaian” termasuklah pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, perubahan, pengubahan dan ketakpakaian mana-mana peruntukan Enakmen ini.

Bertarikh 15 Oktober 2014

[PU.Pk. 3/2014(S)]

ROHANA ABD MALEK
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perak Darul Ridzuan*



LAWS OF THE STATE OF PERAK

ENACTMENT 7

**PERAK PADI PLANTERS
BOARD (DISSOLUTION)
ENACTMENT 2015**

Date of Royal Assent 12 January 2015

Date of publication in the *Gazette*... ... 19 January 2015

PERAK PADI PLANTERS BOARD
(DISSOLUTION) ENACTMENT 2015

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Short title
2. Interpretation
3. Repeal and dissolution
4. Transfer of powers, rights, *etc.*
5. Transfer of property
6. Transfer of funds
7. Existing contracts, *etc.*
8. Continuance of criminal and civil proceedings
9. Continuance of laws, *etc.*
10. Prevention of difficulties or anomalies

LAWS OF THE STATE OF PERAK**Enactment 7****PERAK PADI PLANTERS
BOARD (DISSOLUTION)
ENACTMENT 2015**

I ASSENT,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,
Sultan of Perak

12 January 2015

An Enactment to repeal the Perak Padi Planters Board Enactment 1961 [*Enactment No. 5 of 1961*], to dissolve the Perak Padi Planters Development Board established under the Enactment, to transfer to and vest in the State Authority all assets and liabilities of the said Board and to provide for other matters connected therewith.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Perak Padi Planters Board (Dissolution) Enactment 2015.

Interpretation

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“Board” means the Perak Padi Planters Development Board established under the Perak Padi Planters Board Enactment 1961 [*Enactment No. 5 of 1961*].

Repeal and dissolution

3. The Perak Padi Planters Board Enactment 1961 [*Enactment No. 5 of 1961*] is repealed and the Board established thereunder is dissolved.

Transfer of powers, rights, etc.

4. All powers, rights, privileges, duties, liabilities and obligations which immediately before the commencement of this Enactment were those of the Board shall, as from the commencement of this Enactment, devolve on the State Authority.

Transfer of property

5. (1) All land which immediately before the commencement of this Enactment were vested in the Board shall, on the commencement of this Enactment, vest in the State Authority.

(2) All properties and assets other than land which immediately before the commencement of this Enactment were vested in the Board or in any person on its behalf shall, on the commencement of this Enactment, vest in the State Authority.

Transfer of funds

6. All moneys standing in, or due to be paid to, the Board shall, on the commencement of this Enactment, be transferred to and vest in the State Authority.

Existing contracts, etc.

7. All deeds, bonds, agreements, instruments and working arrangements subsisting immediately before the commencement of this Enactment and affecting any of the property transferred under section 5 shall be of full force and effect against or in favour of the State Authority and enforceable as fully and effectually as if, instead of the Board or any person acting on its behalf, the State Authority has been named therein or had been a party thereto.

Continuance of criminal and civil proceedings

8. (1) The repeal of the Perak Padi Planters Board Enactment 1961 shall not affect any person's liability to be prosecuted or punished for offences committed under the repealed Enactment before the commencement of this Enactment, or any proceeding brought or sentence imposed before the commencement of this Enactment in respect of such offence.

(2) Any proceeding (whether civil or criminal) or cause of action pending or existing immediately before the commencement of this Enactment, by or against the Board or any person acting on its behalf may be continued or instituted by or against the State Authority as it might have been continued or instituted by or against the Board or such person as if this Enactment had not been passed.

(3) Any appeal brought, or any leave to appeal for, on or after the appointed date, against a decision given before the commencement of this Enactment in any legal proceedings to which the Board was a party may be brought by or against the State Authority as it might have been brought by or against the Board as if this Enactment had not been passed.

Continuance of laws, etc.

9. (1) Subject to this Enactment, all written laws, including subsidiary legislation, affecting or for the protection of the Board and in force immediately before the commencement of this Enactment shall, until amended or revoked by the appropriate authority having power so to do, continue in force and be construed as if this Enactment had not been passed.

(2) Any reference in such written laws to the Board, unless the context otherwise requires, shall be construed as a reference to the State Authority and expressions importing such a reference shall be construed accordingly.

Prevention of difficulties or anomalies

10. (1) Subject to subsection (2), if any difficulty or anomaly arises in connection with the implementation of this Enactment,

the State Authority may by order make such modification to any provision of this Enactment as may appear to be necessary for removing or preventing such difficulty or anomaly.

(2) The State Authority shall not exercise the powers conferred by this section after the expiration of two years from the commencement of this Enactment.

(3) In this section, “modifications” includes amendments, additions, deletions, substitutions, adaptations, variations and non-application of any provision of this Enactment.

Dated 15 October 2014

[PU.Pk. 3/2014(S)]

ROHANA ABD MALEK
State Legal Adviser
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA